

Malaysia rekod lebihan dagangan RM17.3 billion

PETALING JAYA – Prestasi perdagangan Malaysia pada Ogos lalu merosot sebanyak 19.8 peratus, atau RM52.7 bilion kepada RM213 bilion berbanding RM265.8 bilion yang direkodkan Ogos tahun lalu, menurut Jabatan Perangkaan.

Eksport mencatatkan penyusutan 18.6 peratus kepada RM115.2 bilion, manakala import turun RM26.4 bilion atau 21.2 peratus kepada RM97.9 bilion tahun ke tahun.

Bagaimanapun lebihan dagangan terus berkembang meningkat sebanyak 0.1 peratus kepada RM17.3 bilion pada Ogos 2023.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, ini merupakan lebihan dagangan yang ke-40 bulan berturut-turut sejak Mei 2020.

“Sementara itu, berbanding Julai lalu, eksport, import, jumlah dagangan dan lebihan dagangan pada Ogos 2023 masing-masing menguncup sebanyak 1.4 peratus, 1.6 peratus, 1.5 pe-



MOHD. UZIR

ratus dan 0.3 peratus,” katanya dalam satu kenyataan.

Pada masa sama, jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan dagangan bagi tempoh lapan bulan pertama tahun ini turut menyaksikan penurunan berbanding tempoh sama tahun lalu.

Jumlah dagangan berkurang 8.1 peratus, sejajar dengan penyusutan eksport (-7.6 peratus) serta import (-8.6 peratus).

Sementara itu, lebihan dagangan merosot dua peratus berbanding tempoh yang sama pada 2022.